



Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Oktober 2022



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut



@Jabatan Laut Malaysia

MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN KOMPETENSI JURUUKUR HIDROGRAFI KE-10

5 Oktober 2022 – Jawatankuasa Penilaian Kompetensi Juruukur Hidrografi (JPKJH) adalah merupakan pendekatan interim yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Hidrografi Negara (JHN) bagi tujuan memantau kompetensi juruukur hidrografi Cat B dan Cat A di Malaysia.

Mesyuarat JPKJH ke-10 kali ini telah dilaksanakan secara dalam talian dan dipengerusikan oleh Pengarah Geospatial serta melibatkan kehadiran perwakilan daripada Jabatan Laut Malaysia dan agensi awam serta swasta.

Mesyuarat kali ini memfokuskan perbincangan berkaitan Garis Panduan JPKJH dan pengemaskinian senarai juruukur hidrografi Cat B dan Cat A yang mendaftar.



KURSUS ASAS PERATURAN-PERATURAN ANTARABANGSA DI LAUT: PENCEGAHAN DAN PELANGGARAN



5 Oktober 2022 – MTSU CAWANGAN JOHOR dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan telah mengadakan kursus Asas Peraturan-Peraturan Antarabangsa di Laut: Pencegahan dan pelanggaran bertempat di Bilik Auditorium, JLM Wilayah Selatan.

Kursus yang diadakan itu telah mengumpulkan seramai 70 orang ahli MTSU CAWANGAN JOHOR dan turut disertai oleh pihak pengurusan tertinggi CUEPACS MALAYSIA serta Ahli Majlis Zon 10 Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Kursus tersebut telah disampaikan oleh En. Mansor Suliaman sebelum para peserta menaiki kapal Al-Nilam bersama-sama krew kapal untuk membuat tinjauan di sepanjang Sg. Pulai.

Semoga ikatan ukhwa Jabatan - MTSU JOHOR - CUEPACS berkekalan dengan semangat keluarga Malaysia.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL NEGERI JOHOR

9 Oktober 2022 – Seramai empat (4) orang pegawai dan kakitangan JLM Wilayah Selatan telah menghadiri sambutan berkenaan yang telah diadakan di peringkat daerah dan Negeri.

Antara pengisian sambutan pada kali ini ialah, acara perarakan peserta yang terdiri daripada penjawat awam Negeri, para pelajar sekolah, kolej dan universiti serta Badan-badan Bukan Kerajaan, bacaan ayat al-Quran, bacaan berzanji, slot ceramah serta jamuan berbentuk makan berdulang di kalangan jemputan majlis itu.

Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibrahim ibni Sultan Ibrahim Ismail ibni Almarhum Sultan Iskandar telah mencemar duli pada Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Johor yang diadakan di Masjid Jamek Sultan Iskandar, Mersing.



PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1444H/2022M PERINGKAT SIBU, SARAWAK

9 Oktober 2022 – Kakitangan dan keluarga warga Jabatan Laut Malaysia Sibu serta pelbagai agensi kerajaan lain telah menyertai perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Sibu, Sarawak pada 9 Oktober 2022 bermula pada jam 7.30 di Dataran Tun Tuanku Bujang, melalui Kampung Datu, Kampung Hilir, Jalan Awang Ramli Amit dan berakhir di perkarangan Kompleks Islam Sibu

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) TERUS FOKUS KERJAYA DAN LATIHAN KEMAHIRAN PELAUT

13 Oktober 2022 – Ketua Pejabat Laut Kuala Kedah, JLM laksana auditan kursus kemahiran pelaut di Institut Latihan Maritim (ILM) – *Polaris Maritime Training Academy*, Alor Setar, Kedah. JLM terus fokus dengan latihan kemahiran kepada pelaut bagi memastikan peluang kerjaya mereka di dalam komuniti perkapalan.





LATIHAN KAWAD KEBAKARAN DI JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK

14 Oktober 2022 - JLMWSK telah mengadakan Latihan Kawad Kebakaran dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Tabuan Jaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak.

Latihan tersebut yang disertai oleh 80 orang kakitangan Jabatan bermula pada jam 10.15 pagi dimana penggera kebakaran dibunyikan dan *Floor Manager* Encik Ramli bin Haji Yusoff segera mengarahkan semua kakitangan untuk segera ke Kawasan Berkumpul. Selain itu turut diadakan cara-cara pemadaman api menggunakan alat pemadam api dan kakitangan berpeluang mempelajari cara-cara memadam api dengan tunjuk ajar pihak BOMBA.

Program ini diselia oleh *Emergency Respond Team* (ERT) Jabatan yang diketuai oleh Encik Abdul Aziz bin Abdul Majid selaku Komander dengan dibantu oleh Timbalan Komander Encik Harry anak Jingkau.



DEEPAVALI LAMP LIGHTING CEREMONY 2022 PERINGKAT IBU PEJABAT LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA

19 Oktober 2022 - Bersempena dengan Perayaan Deepavali Tahun 2022, Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah mengadakan Deepavali *Lamp Lighting Ceremony* bertempat di Lobi Ibu Pejabat Laut.

Upacara menyalakan lampu 'Kuthu Vilakku' telah disempurnakan oleh YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Laut Malaysia. Turut hadir ke majlis ini ialah YBr. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Tuan Raja a/l Chinaya Sinih, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Tuan Arumugam a/l v.s Subramaniam, Pengarah Bahagian Operasi Maritim, Tuan Haji Azudin Bin Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Kawalan Industri Maritim, Ketua-Ketua Unit, pegawai-pegawai dan kakitangan JLM daripada pelbagai kaum.

Semoga perayaan Pesta Cahaya tahun ini membawa sinar kegembiraan dan kebahagiaan buat semua yang menyambutnya.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN CERAMAH MAULIDUR RASUL 1444H PERINGKAT IBU PEJABAT LAUT

21 Oktober 2022 - Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Ibu Pejabat Laut (KSKIPL) dan PUSPANITA Ibu Pejabat Laut telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Ceramah Maulidur Rasul 1444H. Bacaan Yasin telah dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Ruzman bin Ramli manakala Ceramah Maulidur Rasul telah disampaikan oleh al-Fadhil Ustaz Zulkifli bin Ahmad.

Hadir pada majlis ini ialah YBr. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), YBr. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian dan Wilayah, Ketua-Ketua Unit dan kakitangan Ibu Pejabat Laut serta kakitangan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah.

Sesungguhnya penganjuran majlis ini merupakan satu pembuktian cinta warga Jabatan Laut Malaysia terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W yang tidak berbelah bahagi. Semoga warga JLM dapat mengambil ibrah dan tarbiah daripada penganjuran majlis ini.



JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JLMWPL) DARI PERSISIR LAUT CHINA SELATAN KE PUNCAK TERTINGGI ASIA TENGARA


21-22 Oktober 2022 - Seramai 15 orang pendaki JLMWPL dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan Jabatan Laut Labuan (KSKL) telah melengkapkan misi pendakian ke Gunung Kinabalu. Pendakian ini diketuai oleh Pengarah JLMWPL, Tuan Alimuddin bin Amirudin bersama Timbalan Pengarah, En. Ahmad Zawawi bin Saharuddin dan kakitangan JLMWPL yang lain.

Pendakian bermula pada 22 Oktober 2022 sekitar jam 9.30 pagi dari Timpohon Gate ke Panalaban dan seterusnya menyambung pendakian ke puncak pada 23 Oktober 2022 sekitar jam 2.30 pagi. Antara yang terawal tiba di puncak Gunung Kinabalu adalah Tuan Pengarah JLMWPL iaitu sekitar jam 6.00 pagi diikuti kakitangan yang lain.



GREEN VOYAGE 2050 : PERSEDIAAN BAGI PERBINCANGAN MEJA BULAT KALI KEDUA

5 Oktober 2022 - Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah dikunjungi oleh *Task Force* GV2050 bersama wakil daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Sesi libat urus ini bertujuan untuk mengenal pasti pelbagai inisiatif hijau yang telah dirancang atau dilaksanakan oleh PPC. Pendekatan ini membolehkan PPC lebih memahami matlamat projek GV2050 dan menggalakkan mereka untuk mengambil bahagian dalam sesi perbincangan meja bulat seterusnya dengan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).



GREEN VOYAGE 2050 : PENYERAHAN LAPORAN KURSUS - WMU SUMMER INSTITUTE COURSE ON MARITIME DECARBONIZATION

13 Oktober 2022 - *The World Maritime University* (WMU) in Malmo, Sweden, telah mengadakan Kursus WMU Summer Institute on Maritime Decarbonization yang pertamanya dari 22 hingga 26 Ogos 2022, yang dihadiri oleh wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia serta pelabuhan-pelabuhan. Laporan kursus yang disediakan dengan kerjasama semua peserta telah diserahkan secara rasmi oleh GV2050 Task Force.

Salinan bercetak laporan tersebut boleh didapati di perpustakaan Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) kelak. Pasukan Petugas GV2050 boleh dihubungi di alamat e-mel berikut jika anda berminat untuk menerima salinan lembut laporan tersebut (greenvoyage2050@marine.gov.my).

GREEN VOYAGE 2050 : PERSEDIAAN BAGI PERBINCANGAN MEJA BULAT KALI KEDUA

19 Oktober 2022 - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah dikunjungi oleh *Task Force* GV2050 dan wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk membincangkan lebih lanjut mengenai projek perintis yang berpotensi untuk dipilih. *Ship Emission Management System* (SEMS), *E-Bunkering*, *E-RTG*, dan banyak lagi inisiatif oleh operator pelabuhan di bawah LPJ adalah antara projek yang dipertimbangkan semasa sesi libat urus. Cadangan ini akan dibentangkan semasa sesi meja bulat kedua untuk penilaian bagi menentukan projek perintis pertama bagi Malaysia.



GREEN VOYAGE 2050 : PERSEDIAAN BAGI PERBINCANGAN MEJA BULAT KALI KEDUA

27 Oktober 2022 - Pasukan *Task Force* GV2050 bersama dengan wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melawat pelaksanaan projek *Ocean Wave Energy Converter* (OWEC) : *Clean Energy for Kuantan Port* di Makmal Wave Flume Maker, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Makmal tersebut digunakan untuk menguji keberkesanan rekabentuk model OWEC dan bagi mendapatkan data untuk kegunaan projek tersebut.

Projek ini melibatkan pemasangan peranti penukar tenaga gelombang laut (OWEC) yang mampu menukar gelombang laut kepada tenaga elektrik. Peranti OWEC menggunakan konsep lajur air berayun yang menarik udara masuk dan menolak udara keluar semasa kitaran gelombang lengkap. Pergerakan udara ini menjalankan turbin dan seterusnya menghasilkan tenaga elektrik apabila disambungkan kepada penjana. Tenaga elektrik yang ditukar daripada ombak kemudiannya akan dibekalkan ke Pelabuhan Kuantan bagi tujuan operasi pelabuhan serta mengurangkan pelepasan GHG dari pelabuhan.

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA INSIDEN KEBAKARAN KAPAL TUNDA TAG NUR 21 DI INSHORE: TRAFFIC ZONE (ITZ SEKTOR 4- WESTBOUND) SELAT MELAKA



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

INSIDEN KEBAKARAN KAPAL TUNDA TAG NUR 21 DI INSHORE : TRAFFIC ZONE (ITZ SEKTOR 4- WESTBOUND) SELAT MELAKA

MELAKA – Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui VTS Klang Sektor 4 telah menerima laporan kecemasan berkenaan kebakaran Kapal Tunda Tag Nur 21 (Pendaftaran: Port Klang) pada jam 0125H, 16 Oktober 2022 (Ahad). Kejadian tersebut berlaku di Lat. 01°56.745' N, Long. 102°19. 909'E.

Siasatan awal mendapati Kapal Tunda Tag Nur 21 dalam perjalanan dari Pasir Gudang ke Kuala Linggi telah terbakar bermula dari bilik enjin dan merebak ke bilik kru. Seramai enam (6) orang kru yang terdiri daripada tiga (3) orang warganegara Malaysia dan tiga (3) orang warganegara Indonesia dilaporkan selamat.

Dua (2) buah kapal tunda Tag Nur 38 dan Tag Nur 39 telah keluar ke lokasi kejadian untuk menjalankan kerja-kerja pemadaman kebakaran. Jabatan Laut Malaysia telah mengarahkan kapal-kapal yang berhampiran iaitu kapal MV Ivestos 8 dan Kapal MV Serenity Blue ke lokasi kejadian bagi pemantauan kebakaran.

Susulan insiden kebakaran ini, Jabatan Laut Malaysia telah menubuhkan suatu pasukan untuk menyiasat insiden ini di samping terus memantau keadaan kapal tersebut bagi memastikan situasi terkawal. Jabatan Laut Malaysia juga bertindak menyiarkan NAVTEX UA 34 bagi memberi amaran kepada kapal-kapal yang berada di kawasan atau laluan berdekatan mengenai situasi semasa untuk mengambil langkah berjaga-jaga



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Lumbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my



JABATAN LAUT MALAYSIA
1900HRS, 16 OKTOBER 2022

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM)

Jabatan Laut Malaysia bertekad menyediakan perkhidmatan pengangkutan maritim yang berkualiti dengan memenuhi keperluan peraturan dan perundangan untuk mencapai tahap kepuasan pelanggan melalui penambahbaikan sistem pengurusan berkualiti secara berterusan.

Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel: +603 - 3346 7793

E-mel: korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Lumbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my



SIARAN MEDIA INSIDEN FERI EXPRESS BAHAGIA 98 TERKANDAS DI BUOY HIJAU, ALUR PELAYARAN KUALA KEDAH



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

INSIDEN FERI EXPRESS BAHAGIA 98 TERKANDAS DI BUOY HIJAU, ALUR PELAYARAN KUALA KEDAH

KUALA KEDAH – Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Pejabat Laut Kuala Kedah melaporkan bahawa Feri Express Bahagia 98 telah terkandas di Buoy Hijau, Alur Pelayaran Kuala Kedah iaitu satu (1) kilometer dari Terminal Jeti Penumpang Kuala Kedah pada jam 1445H, 23 Oktober 2022 (Ahad).

Laporan awal mendapati Feri Express Bahagia 98 yang membawa 545 orang penumpang termasuk kru feri bertolak dari Terminal Jeti Penumpang Kuala, Langkawi pada jam 1306H dan dijangka tiba ke Terminal Jeti Penumpang Kuala Kedah pada jam 1445H. Namun pada jam 1445H, pihak VTMS Kuala Kedah telah menerima panggilan radio daripada Kapten Feri Ekspres Bahagia 98 yang meminta bantuan untuk menarik keluar feri kerana feri telah terkandas.

Susulan laporan insiden ini, JLM telah mengatur gerak kerja bersama agensi-agensi kerajaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia serta pemilik feri dan nelayan tempatan bagi kerja memindahkan penumpang dari feri ke bot-bot untuk dibawa ke jeti.

Pada jam 1550H, usaha menarik keluar Feri Express Bahagia 98 oleh bot Ocean Blue 9 milik syarikat pengerukan Maedco Sdn. Bhd. dan sebuah bot tunda (KKD00008T) tidak berjaya. JLM telah mengarahkan aset milik JLM iaitu kapal MV Suhail ke lokasi kejadian untuk memantau insiden ini bagi memastikan situasi terkawal. Sehingga jam 2000H, seramai 177 orang penumpang telah berjaya selamat tiba di Jeti Penumpang Kuala Kedah. Usaha-usaha memindahkan baki penumpang feri ke bot giat dijalankan.



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my

Pada jam 2045H, bot tunda KKD00555T telah berjaya menarik keluar feri Feri Express Bahagia 98 dari lokasi terkandas dan bergerak perlahan-lahan memasuki Alur Pelayaran Kuala Kedah.

Pada jam 2122H, Feri Express Bahagia 98 telah berjaya merapat ke Jeti Penumpang Kuala Kedah dan kesemua penumpang telah berjaya diturunkan. Makanan dan minuman diedarkan kepada penumpang yang terkandas oleh petugas dan pemeriksaan kesihatan juga telah dilakukan di Jeti Penumpang Kuala Kedah.



JABATAN LAUT MALAYSIA
0600HRS, 24 OKTOBER 2022

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM)
Jabatan Laut Malaysia bertekad menyediakan perkhidmatan pengangkutan maritim yang berkualiti dengan memenuhi keperluan peraturan dan penindungan untuk mencapai tahap kepuasan pelanggan melalui penambahbaikan sistem pengurusan berkualiti secara berterusan.

Pertanyaan Media
Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia
Tel: +603 - 3346 7793
E-mel: korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my

SIARAN MEDIA INSIDEN FERI STARCITY EXPRESS NO.6 TERKANDAS DI ALUR PELAYARAN KUALA KEDAH



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

INSIDEN FERI STARCITY EXPRESS NO 6 TERKANDAS DI ALUR PELAYARAN KUALA KEDAH

KUALA KEDAH – Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Pejabat Laut Kuala Kedah telah menerima laporan kecemasan berkenaan insiden FERI STARCITY EXPRESS NO 6 telah terkandas di alur pelayaran Kuala Kedah pada jam 1616H, 28 Oktober 2022 (Jumaat). Kejadian tersebut berlaku di Lat. 06° 06.113' N, Long. 100° 16.683' E iaitu pada 0.78NM dari Terminal Jeti Penumpang Kuala Kedah.

Susulan insiden ini, Jabatan Laut Malaysia bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah mengaktifkan Pelan Kontigensi *Mass Maritime Rescue Operation* (MMRO) bagi menyelamatkan penumpang-penumpang untuk dibawa kembali ke dibawa ke Terminal Jeti Penumpang Kuala Kedah.

FERI STARCITY EXPRESS NO 6 yang membawa seramai 133 orang penumpang dan enam (6) bayi dalam perjalanan dari Kuala Kedah ke Kuala, Langkawi telah terkandas dan mengakibatkan enjin utama mati.

Pada jam 1821H, kesemua 133 orang penumpang dan enam (6) bayi telah selamat tiba di Terminal Jeti Penumpang Kuala Kedah. Pelaksanaan pelan ini telah dijayakan hasil kerjasama Jabatan Laut Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), nelayan, operator feri, operator bot tunda, orang awam di sekitar Kuala Kedah.

Jabatan Laut Malaysia telah menubuhkan pasukan siasatan bagi memastikan insiden seperti ini tidak berulang. Pemeriksaan semula oleh organisasi yang diiktiraf ke atas feri tersebut juga akan dipantau oleh surveyor daripada Jabatan Laut Malaysia bagi memastikan feri tersebut selamat untuk beroperasi semula.



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my



JABATAN LAUT MALAYSIA
1930HRS, 28 OKTOBER 2022

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM)
Jabatan Laut Malaysia bertekad menyediakan perkhidmatan pengangkutan maritim yang berkualiti dengan memenuhi keperluan peraturan dan penindungan untuk mencapai tahap kepuasan pelanggan melalui penambahbaikan sistem pengurusan berkualiti secara berterusan.

Pertanyaan Media
Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia
Tel: +603 - 3346 7793
E-mel: korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7793 | Laman Web: www.marine.gov.my

Pasukan khas siasat kes feri terkandas di Kuala Kedah

Oleh NUR AMALINA AZMAN
utusannews@medamula.com.my

LANGKAWI: Jabatan Laut Malaysia (JLM) tubuh pasukan siasatan bagi menyiasat insiden feri penumpang yang terkandas di alur pelayaran Kuala Kedah-Langkawi kelmarin dan Ahad lalu.

Pengarah JLM Wilayah Utara, Mohd. Hafiz Abdul Majid berkata, pihaknya juga akan mengadakan perjumpaan dengan operator feri dan kontraktor pengerukan hari ini bagi mencari penyelesaian segera untuk mengelak kejadian sama berulang.

Beliau menjelaskan, alur pelayaran akan menjadi semakin sempit pada kelebaran 70 meter apabila semakin hampir dengan terminal feri manakala feri pula perlu mengekalkan prosedur perkhidmatan seperti yang ditetapkan oleh JLM.

"Kami akan mengadakan perjumpaan bagi mengambil jalan tengah untuk kedua-dua pihak



FERI penumpang yang dalam perjalanan ke Pulau Langkawi mengalami kerosakan selepas tersangkut pada kabel boya kapal korek berhampiran Terminal Feri Kuala Kedah di sini, kelmarin.

bagi memastikan perkhidmatan feri dapat berjalan seperti biasa.

"Bagaimanapun, kabel penambat kapal pengorek itu tetap akan memasuki alur pelayaran untuk menyelesaikan kerja-kerja

pengerukan di alur pelayaran tersebut.

"Sebelum ini tiada isu melibatkan kabel tersebut mengganggu alur pelayaran kerana alur pelayaran adalah lebih luas

daripada 70 meter apabila berada semakin jauh daripada terminal feri," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.


Semalam, sebuah feri yang membawa 133 penumpang dari Kuala Kedah terkandas apabila dipercayai tersangkut pada kabel boya kapal pengerukan kira-kira 0.78 batu nautika daripada Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah.

Ahad lalu, sebuah feri dari Langkawi yang membawa 545 penumpang ke Kuala Kedah turut terkandas pada beting pasir di kedudukan sama apabila cuba mengelak kabel tersebut.

Sementara itu, Mohd. Hafiz berkata, pihak feri bebas mengambil tindakan undang-undang sekiranya ada sebarang kerugian yang terpaksa ditanggung disebabkan kerja-kerja pihak kontraktor terbabit.

Namun, pihaknya tetap akan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelak insiden berkenaan berlaku kembali.

MINGGUAN MALAYSIA 30 OKTOBER 2022
MUKASURAT 8



Mahu tindakan segera diambil elak kejadian terkandas di laut berulang

Penumpang feri risau keselamatan

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR - Penumpang-penumpang feri mempersoalkan keselamatan mereka apabila pengangkutan itu sudah dua kali terkandas dekat muara Kuala Kedah.

Kejadian terbaharu kelmarin melibatkan seramai 133 penumpang yang dalam perjalanan dari Terminal Feri Kuala Kedah ke Terminal Feri Penumpang Kuala Langkawi.

Insiden tersebut berlaku dipercayai akibat kerosakan pada kipas enjin feri selepas tersangkut pada kabel boya kapal pengerukan.

Kejadian pertama kurang seminggu yang melibatkan jumlah penumpang lebih besar seramai 547 orang.

Penumpang, Hazyanti Abu Hasim, 43, yang berasal dari Pulau Langkawi berkata, dia tidak menyangka akan menjadi salah seorang mangsa feri terkandas.

"Padamasa itu, feribaru berlayar kira-kira lima minit dan saya sudah mahu terlepas sebelum terdengar bunyi kuat seperti feri berlanggar sesuatu dan bergesel."

"Saya bersama ibu berusia 61 tahun dan dua anak berusia 14 dan 22 tahun mula rasa cemas



ISWARDI (kanan) bersama isteri anak yang merupakan antara mangsa feri terkandas di muara Kuala Kedah pada kelmarin.



KERATAN Kosmo! 25 Oktober 2022.

sebelum kami diminta memakai jaket keselamatan," katanya ketika ditemui di Terminal Feri Kuala

Kedah, di sini malam kelmarin.

Katanya, kesemua penumpang kemudian dipindahkan ke bot Maritim Malaysia (APMM) dan nelayan untuk dibawa ke terminal Kuala Kedah.

"Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaan saya, namun pada masa itu saya rasa tenang sedikit kerana kejadian berlaku tidak jauh dari terminal iaitu pada jarak 500 meter sahaja," ujarnya.



PENUMPANG dipindahkan ke bot APMM dan bot nelayan ke Terminal Feri Kuala Kedah pada kelmarin.

Justeru, dia berharap pihak berkuasa dapat memastikan alur pelayaran selamat untuk dilalui feri bagi memastikan keselamatan penumpang terjamin.

"Carilah penyelesaian terbaik. Jangan sampai ada kemalangan jiwa baru nak kalut bertindak," tambahnya.

Seorang lagi penumpang, Iswardi Rokhin, 42, berkata, dia dan isteri, Norsazlina Mat Azlan,

41, agak risau apabila terpaksa menaiki feri ke Pulau Langkawi selepas mendengar berita feri terkandas kira-kira lima hari lalu.

"Kami tiada pilihan kerana perlu menghantar anak perempuan masuk ke Kolej Vokasional Langkawi," ujarnya.

Terdahulu, Ahad lalu, sebuah feri dari Langkawi turut terkandas di kedudukan sama apabila cuba mengelak kabel tersebut.

Jabatan Laut siasat insiden feri laluan terkandas dua kali

LANGKAWI - Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan menubuhkan pasukan siasatan bagi menyiasat insiden feri penumpang yang terkandas di alur pelayaran Kuala Kedah-Langkawi pada semalam dan Ahad lalu.

Pengarah JLM Wilayah Utara, Mohd. Hafiz Abdul Majid berkata, pihaknya juga akan mengadakan perjumpaan dengan pihak operator feri dan kontraktor pengerukan pada esok bagi mencari penyelesaian segera untuk mengelakkan daripada kejadian ini berulang kembali.

Beliau menjelaskan, alur pelayaran akan menjadi semakin sempit pada kelebaran 70 meter (m) apabila semakin hampir dengan terminal feri dan pihak feri pula perlu mengekalkan perkhidmatan mereka seperti yang ditetapkan oleh JLM.

"Kami akan buat perjumpaan bagi ambil jalan tengah untuk kedua-dua pihak bagi pastikan perkhidmatan feri dapat berjalan seperti biasa."

"Kabel penambat kapal pengerukan itu tetap akan me-



KEADAAN cemas penumpang dalam feri ke Langkawi apabila pengangkutan itu terkandas dua jam kelmarin.

masuk alur pelayaran untuk menyelesaikan kerja-kerja pengerukan di situ," katanya apabila dihubungi di sini semalam.

Jelasnya, sebelum ini, besar kemungkinan tiada isu melibatkan kabel tersebut mengganggu

alur pelayaran kerana alur pelayaran adalah lebih luas daripada 70m apabila berada semakin jauh daripada terminal feri.

Ujarnya, pihak feri bebas pertimbang untuk tindakan undang-undang.

Operator feri pertimbang tindakan undang-undang

LANGKAWI - Konsortium Ferry Line Ventures Sdn. Bhd. yang mengendalikan perkhidmatan feri akan mendapatkan nasihat peguam sama ada mereka boleh mengambil tindakan undang-undang kepada kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pengerukan di alur pelayaran feri.

Pengurus Sumber Manusia dan Operasinya, Kapten Baharin Baharom mendakwa, insiden feri yang terkandas sebanyak dua kali dalam masa seminggu ini disebabkan oleh kabel boya tambatan kapal pengerukan.

Keadaan itu menyebabkan kerosakan kepada feri sehingga mereka terpaksa menanggung kerugian lebih RM300,000.

"Insiden pertama pada Ahad lalu telah menyebabkan generator feri tersebut rosak apabila pasir memasuki generator sehingga perlu ditunda ke lima bungan kapal bagi kerja-kerja pembaikan."

"Manakala bagi insiden kedua pula feri tersebut mengalami kerosakan pada kipas

'propeller' kerana tersangkut pada kabel tersebut walaupun pada ketika itu kedalaman air laut mencecah 2 meter (m)," katanya di sini semalam.


Ujarnya, di bawah konsortium, ada beberapa syarikat feri yang akan dibayar apabila feri mereka digunakan untuk perkhidmatan tersebut.

Jelasnya, apabila sebuah feri rosak, konsortium perlu membayar syarikat lain di bawah konsortium sama untuk mendapatkan feri gantian yang menyebabkan mereka perlu menanggung dua kali ganda kos untuk satu perjalanan.

Baharin menjelaskan, sistem yang ada pada feri tersebut bukanlah seperti kapal perang yang mempunyai radar bagi kesan sebarang objek yang berada di bawah permukaan air.

Ujarnya, pihak kontraktor pengerukan perlu memastikan kerja pengerukan tidak mengganggu laluan perjalanan feri kerana bukan sahaja operator feri terpaksa menanggung kerugian, tetapi mengancam nyawa penumpang.

KOSMO 30 OKTOBER 2022 MUKASURAT 9



Edisi Oktober 2022
Jabatan Laut Malaysia

10

FASA PERALIHAN MONSUN

Tempoh peralihan arah angin dari Barat Daya menjadi Timur Laut bermula pada hujung bulan September 2022 dan bakal berterusan sehingga awal bulan November 2022.

Semasa fasa peralihan monsun, rantau negara ini akan menerima tiupan angin lemah daripada pelbagai arah dan menyebabkan ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat.

Ribut petir kerap berlaku pada petang dan awal malam terutamanya di negeri-negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak.



PANDUAN KESELAMATAN RIBUT PETIR

- Elak berada di kawasan lapang dan tunda aktiviti luar jika ribut petir dijangka berlaku.
- Segera mencari tempat selamat apabila awan ribut petir menghampiri. Jangan berlindung atau parkir kenderaan di bawah pokok.
- Berlindung dalam bangunan besar dan kukuh atau kenderaan bertutup penuh dan berbumbung besi.
- Jauhi kawasan yang mudah dinaiki air.
- Jangan sentuh objek metalik, barang atau kabel elektrik.

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

Terbitan Jabatan Penerangan Malaysia

TIP BERSEDIA HADAPI BANJIR



SEBELUM BANJIR

- ✓ Pastikan ada sistem amaran banjir di kawasan anda
- ✓ Dapatkan maklumat terkini mengenai banjir, pusat pemindahan dan pusat bantuan bencana
- ✓ Pastikan saluran air/parit tidak tersumbat
- ✓ Simpan air bersih
- ✓ Tutup suis elektrik, injap utama air dan gas
- ✓ Alihkan peralatan elektrik ke tempat tinggi
- ✓ Simpan dokumen penting dalam bekas/beg/fail di tempat yang selamat

SEMASA BANJIR

- ✓ Dapatkan maklumat semasa tentang bencana
- ✓ Pergi ke tempat yang lebih tinggi dan selamat
- ✓ Sentiasa bersedia dengan peralatan kecemasan dan berpindah jika diarahkan
- ✓ Pastikan kanak-kanak tidak bermain dengan air banjir

ELAKKAN

- ✗ Bersiar-siar menaiki sampan/berjalan di kawasan banjir
- ✗ Menyentuh sebarang kabel/wayar yang putus
- ✗ Minum air banjir
- ✗ Mengharungi kawasan banjir dengan kenderaan, segera berpatah balik jika dibenarkan

JIKA DIARAHKAN BERPINDAH

- ✓ Pindah awal sebelum banjir lebih teruk
- ✓ Pindah pada waktu siang untuk lebih selamat
- ✓ Ikut laluan yang ditentukan oleh pihak berkuasa



Sumber: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia



CEGAH DAN KAWAL PENYAKIT DEMAM DENGGI DI MUSIM BANJIR



SEBELUM BANJIR

- Simpan bekalan repelan dan semburan aerosol pembunuh nyamuk di rumah
- Periksa dan pastikan saluran air hujan di bumbung rumah tidak tersumbat dengan sampah-sarap
- Letakkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam bekas air yang sukar dikosongkan
- Buang segala bekas yang boleh menakung air di persekitaraan rumah

SEMASA BANJIR

- Lakukan semburan aerosol pembunuh nyamuk di ruang yang terlindung
- Sapu losyen atau semburan repelan pada kulit yang terdedah untuk mengelakkan gigitan nyamuk
- Memakai baju berlengan dan berseluar panjang serta berwarna cerah

SELEPAS BANJIR

- Lakukan semburan aerosol di dalam rumah seurus sebelum masuk ke dalam rumah
- Segera lakukan pembersihan persekitaran dan musnahkan semua bekas potensi pembiakan Aedes
- Rancang aktiviti gotong-royong bersama komuniti bagi membersihkan tempat yang menakung air selepas banjir



Sumber: Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Bahagian Kawalan Penyakit KKM

KEMPEN MEMBACA 10 MINIT



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA-

APAKAH PERBEZAANNYA?

IALAH

- Kata pemer **ialah** hadir di hadapan frasa nama.

Contohnya:

- Antara perkara yang dibicarakan dalam buku itu **ialah** masalah moral negara.
- Bahasa Melayu **ialah** salah satu bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia.



- Kata pemer tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.



SUMBER: TATABAHASA DEWAN EDISI KETIGA, 2015
DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN

#KELUARGA
MALAYSIA



Jabatan Laut Malaysia



elautmy



jabatanlaut



eJabatan Laut Malaysia



www.marine.gov.my



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA-

Penggandaan kata majmuk melibatkan penggandaan unsur pertama kata sahaja

SALAH



Alat tulis-alat tulis



Kapal terbang-kapal terbang



Menteri Besar-Menteri Besar



BETUL



Alat-alat tulis

Kapal-kapal terbang

Menteri-Menteri Besar

- Kecuali penggandaan yang melibatkan bentuk yang telah mantap; penggandaannya melibatkan keseluruhan unsur seperti:

- pesuruhjaya-pesuruhjaya
- warganegara-warganegara
- tandatangan-tandatangan
- setiausaha-setiausaha



SUMBER: TATABAHASA DEWAN EDISI KETIGA, 2015
DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN

#KELUARGA
MALAYSIA



Jabatan Laut Malaysia



elautmy



jabatanlaut



eJabatan Laut Malaysia



www.marine.gov.my



Yong Tau Fu



BAHAN - BAHAN:

Bahan-bahan untuk kuah merah:

- 3-5 ulas bawang putih
- 7-10 tangkai cili kering
- 2-3 tangkai cili padi
- 1 biji cili merah (pilihan)
- 2 sudu besar kacang tanah
- 1 sudu besar tepung gandum
- 1 sudu besar tepung jagung
- 3 cawan air
- 2 sudu besar sos cili
- 2 cawan air
- kiub pati ayam
- Garam secukup rasa
- Gula secukup rasa

Bahan-bahan untuk kuah hitam:

- 3 sudu besar petis udang
- 3 cawan air
- 2 sudu besar tepung gandum
- 2 sudu besar tepung jagung
- 1 keping besar gula nisan (atau anggaran 4 sudu besar gula perang)
- Sedikit air rebusan udang
- Garam secukup rasa

Bahan-bahan untuk kuah rebusan:

- 2 liter air
- 1 kiub pati ayam
- Sedikit garam

Bahan-bahan untuk lain:

- Makanan sejuk beku
- Sotong rendam
- Kangkung
- Serbuk kacang tanah
- Bijan

CARA PENYEDIAAN:

Cara-cara untuk kuah merah:

- a. Kisar halus bawang putih, cili padi, cili merah (pilihan), rendaman cili kering, kacang tanah goreng dengan sedikit air.
- b. Bancuh tepung gandum dan tepung jagung dengan air sehingga tepung larut sekata.
- c. Panaskan minyak dan tumis bahan kisar halus serta sos cili sehingga masak dan pecah minyak. Tambah air dalam bahan tumisan setiap kali kering sebanyak tiga kali dan ulang masak.
- d. Masukkan pati ayam (pilihan), air, bancuhan tepung dan garam secukup rasa.
- e. Masak sehingga kuah menjadi pekat.

Cara-cara untuk hitam:

- a. Masukkan ke dalam mangkuk sedikit air lalu campurkan bersama taucu, kicap manis, kicap caramel, sos tiram dan petis udang.
- b. Kisar halus bahan campuran, air, tepung jagung dan tepung gandum.
- c. Masak bahan kisar halus, gula nisan, sedikit air rebusan udang (pilihan), garam secukup rasa dengan api yang perlahan. Kacau perlahan bahan sehingga mendidih, pekat dan kuah menjadi lebih gelap.

Cara-cara untuk taburan:

- a. Kisar kasar kacang tanah goreng.
- b. Sangai bijan seketika dengan api yang perlahan sehingga naik bau.

Cara-cara untuk Yong Tau Fu:

- a. Panaskan air lalu masukkan pati ayam dan sedikit garam.
- b. Rebus seketika bahan-bahan makanan sejuk beku seperti bebola, stik ketam dan selainnya sehingga masak.
- c. Ulang rebus untuk sotong rendam sekurang-kurangnya dalam 4-5 minit dan celur kangkung dalam masa 30 saat.
- d. Gunting bahan-bahan rebusan kepada ketulan kecil.
- e. Kemudian, hidang dengan tuang kedua kuah hitam dan kuah merah serta taburan serbuk kacang tanah dan juga bijan.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Mohammad Hisham Bin Ali
Ketua Editor



YBrs. Kapten Hj. Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

**Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.**

korporat@marine.gov.my